

# Persatuan Bekas Perajurit bertahlil di Kubah Makam Diraja

Berita dan Foto : Mohamad Azmi Awang Damit

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Jumaat, 25 Mei. - Persatuan Bekas Perajurit Negara Brunei Darussalam mengadakan Majlis Bertahlil khusus bagi ayahanda dan bonda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien dan Al-Marhumah Duli Raja Istri Pengiran Anak Damit.

Majlis berkenaan diketuai oleh Yang Di-Pertua Persatuan Bekas Perajurit, Yang Dimuliakan Pehin Datu Paduka Raja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Shari bin Ahmad.

Turut hadir, Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof; dan Menteri

Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin.

Hadir sama, Penasihat Persatuan Bekas Perajurit, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Haji Mohammad bin Haji Daud dan lebih 60 ahli persatuan berkenaan.

Bacaan Tahlil dan Doa Tahlil dipimpin oleh Penolong Pegawai Agama, Jabatan Agama Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Awang Haji Arifin bin Haji Tuah.

Majlis bertahlil yang berlangsung di Kubah Makam Diraja tersebut merupakan salah satu aktiviti keagamaan tahunan Persatuan Bekas Perajurit di bulan Ramadan yang penuh berkah ini.



MENTERI Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof dan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin antara yang hadir di Majlis Bertahlil di Kubah Makam Diraja anjuran Persatuan Bekas Perajurit Negara Brunei Darussalam.

## Terima Anugerah daripada Kerajaan Jepun



**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 24 Mei. - Mantan Duta Besar Negara Brunei Darussalam ke Jepun telah dianugerahkan Bintang Kebesaran Musim Bunga 2018 daripada Kerajaan Jepun sebagai pengiktirafan kepada sumbangan dalam mempromosikan hubungan persahabatan dan kerjasama di antara kedua-dua buah negara. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Emperor Jepun menganugerahkan Bintang Kebesaran Order of the Rising Sun, Gold and Silver Star tersebut kepada Dato Paduka (Dr.) Mohd. Adnan bin Buntar pada 8 Mei 2018 lalu di Imperial Palace, Tokyo, Jepun.

Sehubungan itu, satu majlis

**BINTANG** Kebesaran Order of the Rising Sun, Gold and Silver Star dianugerahkan kepada Dato Paduka (Dr.) Mohd. Adnan bin Buntar atas sumbangan beliau dalam mempromosikan persahabatan dan persefahaman antara Brunei dan Jepun.

Berita dan Foto : Hernie Suliana Haji Othman

Sidang Media telah diadakan di Kedutaan Jepun, Kampung Kiulap hari ini bagi meraikan penganugerahan tersebut yang dihoskan oleh Duta Besar Istimewa dan Mutlak Jepun ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Motohiko Kato.

Dato Paduka (Dr.) Mohd. Adnan dalam ucapannya menyatakan penghargaan kepada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di atas pelantikan sebagai Duta Besar Negara Brunei Darussalam ke Jepun pada Mei 2005 hingga Oktober 2008, yang mana melalui beliau memegang tanggungjawab dalam mempromosikan hubungan persahabatan dan persefahaman di antara kedua-dua buah negara dalam pelbagai bidang termasuk bidang ekonomi, kesihatan, budaya dan pendidikan melalui

people to people contact di sepanjang tempoh tersebut.

Tambahnya lagi, kerajaan Jepun melalui institusi-institusi pendidikan tinggi memberikan respons positif, terutamanya pertukaran dalam kalangan pelajar yang memuaskannya kerana mereka mewakili masa depan dan beliau percaya aktiviti-aktiviti tersebut akan dapat terus menjalin hubungan kedua-dua buah negara.

Penganugerahan Imperial Decorations diadakan dua kali setahun pada Musim Bunga dan Musim Luruh kepada penerima tempatan di atas kejayaan dalam pelbagai bidang dan kepada penerima luar negara di atas sumbangan dalam hubungan dua hala.

Dato Paduka (Dr.) Mohd. Adnan merupakan penerima Imperial Decorations tersebut dari Negara Brunei Darussalam.

## SUAMPRIPAHS terima sumbangan buku teks

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad  
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 24 Mei. - Kedutaan Besar Kesultanan Oman menyumbangkan sebanyak 17 set buku-buku teks bahasa Arab bertempatan di Bilik Galleri, Sekolah Ugama Arab Menengah Perempuan Raja Istri Pengiran Anak Hajah Saleha (SUAMPRIPAHS), Kampung Katok.

Buku-buku teks tersebut diserahkan oleh Duta Besar Istimewa dan Mutlak Kesultanan Oman Ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Syeikh Ahmed bin Hashil Al Maskari kepada Setiausaha Tetap di Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz bin Orang Kaya Maharaja Lela Haji Yussof.

Buku teks berkenaan disediakan oleh Kementerian Pendidikan Kesultanan Oman dan diguna pakai dalam Kurikulum Bahasa Arab Peringkat Rendah di Kesultanan Oman.

Setiap satu daripada 17 set buku

teks Kurikulum Bahasa Arab yang disumbangkan dalam 14 salinan sehingga membawa jumlah keseluruhan buku teks yang disumbangkan menjadi 238 buku teks.

Tuan Yang Terutama Sheikh Ahmed pada majlis itu dengan ringkas berkata, penyerahan buku teks kurikulum bahasa Arab berkenaan adalah sebagai penghargaan dalam usaha-usaha yang dilakukan oleh kedutaan di dalam kerjasama dengan pihak berkuasa yang berkenaan di Brunei untuk menyumbang pada penyebaran bahasa Arab di Brunei dan menyumbang ke arah usaha KHEU untuk meningkatkan keberkesanan pendidikan bahasa Arab di sekolah-sekolah Arab.

"Usaha sama ini telah membuahkan hasil dengan penubuhan Buku Terbitan Oman di Perpustakaan Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) yang mengandungi lebih daripada 500

buah buku oleh sarjana terkemuka Oman, mendedahkan pembaca pada bahasa Arab bersama dengan keunikan budaya dan tradisi Oman, selain itu, satu lagi penubuhan Penerbitan Oman di Perpustakaan Universiti Brunei Darussalam yang menampilkan lebih daripada 700 buah buku dan multimedia yang merangkumi pelbagai aspek sejarah, ekonomi, budaya, fiqh Islam, seni, bahasa dan kesusasteraan bahasa Arab," tambahnya.

Tuan Yang Terutama juga menyatakan bahawa antara usaha kedutaan untuk mempromosikan bahasa Arab di Brunei Darussalam adalah dengan menyediakan empat biasiswa tahunan dari Sultan Qaboos College untuk mengajar bahasa Arab kepada pembicara bukan bumiputera, iaitu kepada para pelajar Brunei terpilih. Tahun ini, kumpulan keempat pelajar Brunei dijangka dihantar untuk belajar bahasa Arab di Oman.

Dengan adanya majlis tersebut akan memperkukuh hubungan silaturahim di antara Negara Brunei Darussalam dan Kesultanan Oman, sekali gus dapat



SETIAUSAHA Tetap KHEU, Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz bin Orang Kaya Maharaja Lela Haji Mohd. Yussof semasa menerima buku teks bahasa Arab daripada Duta Besar Istimewa dan Mutlak Kesultanan Oman ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Syeikh Ahmed bin Hashil Al Maskari.

memperluaskan kerjasama dalam semua bidang berkaitan, khususnya bidang pendidikan bahasa Arab dan memberi

penghargaan juga penghormatan kepada pihak Kedutaan Kesultanan Oman atas sumbangan yang sangat bermanfaat.